Malay. Ver

Panduan Penggunaan Apply Korea

Kegunaan mentor, pelajar dan graduan di Korea Selatan

Malaysia

applykorea

Indeks

1. Maklumat panduan mentor
2. Proses *mentoring*
3. Langkah persediaan menjadi mentor
4. Panduan kewangan penyelesaian mentor
5. Soalan lazim
6. Kisah mentor

Maklumat Panduan Mentor

Perkhidmatan mentor ialah perkhidmatan soal jawab satu per satu bersama mentee berkaitan dengan pelajaran di Korea Selatan. Kisah dan tip dari mentor tentang pengalaman belajar di Korea Selatan sangat membantu menti. Apabila mentee memohon dan membayar perkhidmatan mentor, mentor perolehi keuntungan. Kini anda boleh mengubah pengalaman belajar di Korea Selatan menjadi pendapatan sampingan.

Yuran Langganan Mentor
1:N
30$=>23,000 WON

TIP

- Jika anda menjadi mentor yang popular, anda boleh mendapatkan keuntungan yang banyak melalui permohonan perkhidmatan mentor daripada ramai mentee.
- Jika anda berkongsi banyak kisah tentang pengalaman belajar di Korea Selatan, kami akan membantu anda untuk berjumpa dengan lebih ramai mentee.
- Anda boleh cerita kisah hidup anda belajar di Korea dalam 'Kisah Saya'.
- Mulakan dengan menulis apa yang anda ingin tahu ketika anda sedang bersedia untuk belajar di Korea Selatan!



Langkah Persediaan Menjadi Mentor

1.Daftar Keahlian Mentor

Pergi ke https://www.applykorea.or.kr/ atau cari 'applykorea' di gedung aplikasi untuk memuat turun aplikasi mudah alih dan mendaftar ahli mentor.

2. Kemaskini Profil

Kemaskini profil anda dengan baik. Untuk menjadi mentor yang popular, amatlah disarankan untuk mengisi maklumat yang terperinci.
Anda boleh lihat profil terbaik sebagai rujukan: *Profil Mentor Richard

3. Kongsi Profil Mentor Anda di Media Sosial

Lengkapkan profil mentor dan kongsi pautan halaman profil anda dengan rakan anda.
Mulakan dengan menyiar "Aktiviti Mentor Pelajar Antarabangsa“ di suapan media sosial pilihan anda dan pautkan profil anda ke *Bio Instagram* anda. Semakin ramai mentee yang dapat anda kumpulkan, semakin banyak pendapatan anda akan perolehi.



Panduan Pendaftaran Keahlian Mentor

Sila pilih kategori warganegara Korea / warga asing / institusi universiti untuk mendaftar.
Anda juga boleh mendaftar dengan mudah melalui akaun media sosial anda.

① Klik menu di sebelah kanan untuk Log masuk > Daftar keahlian.



② Masukkan maklumat anda dan tekan Daftar.



③ Selepas memilih kategori keahlian, masukkan nombor telefon bimbit anda.



④ Klik pada pautan pengesahan yang dihantar ke alamat emel yang anda masukkan untuk melengkapkan pendaftaran.



Panduan Mengemaskini Profil Mentor

Kami akan kongsikan contoh profil mentor yang terbaik untuk anda. *Profil terbaik: Halaman profil 〈Mentor Richad〉
Semakin banyak anda mengisi maklumat yang ingin diketahui oleh mentee di profil anda, semakin banyak pembayaran perkhidmatan mentor yang akan dibuat

① Selepas log masuk, pergi ke Halaman Saya.

② Cari menu Maklumat Saya di Halaman Saya.

③ Anda boleh mengedit maklumat anda dengan klik butang 'Edit Maklumat Ahli'.

④ Klik 'Lihat Profil' untuk lihat pratonton











Profil terbaik
Sila rujuk profil 〈Mentor Richad〉!

Kongsi profil mentor anda di media sosial

Setelah selesai kemaskini profil anda, kongsi profil anda di media sosial kegemaran anda.
Dengan cara ini, lebih banyak mentee yang berpotensi akan dapat melihat profil anda dan memohon perkhidmatan mentor.

① Log masuk dan pergi ke halaman 'Cari Mentor'.



② Cari nama anda dalam bar carian.



③ Cari dan pergi ke Profil Saya.



④ Pada PC atau telefon, kongsi pautan menggunakan pelayar web(Chrome, Safari). (Akan datang pada aplikasi mudah alih)



Cara untuk mengewangkan khidmat mentor

applykorea

1. Jika salah satu mentee saya membayar perkhidmatan mentor, bagaimanakah dengan pendapatan saya?

Sekiranya mentee baru masuk setelah melihat profil anda dan memohon 〈perkhidmatan mentor〉,anda boleh mendapat 23,000 won daripada $30 yang mentee bayar. Sekiranya mentee mengekalkan *mentoring* mereka, anda akan menerima pendapatan bulanan.

2. Bagaimana jika mentee saya membayar permohonan belajar di luar negara?

Mentor akan menerima 200,000 won daripada $300 yuran permohonan asas 3 universiti yang dibayar oleh mentee yang mendapat khidmat mentor anda untuk 〈Penerimaan permohonan belajar di luar negara〉

Keuntungan Mentor

1. *Mentoring*

3 orang mentee

2 orang mentee

1 orang mentee

+

2. Penerimaan permohonan untuk belajar di luar negara

=

1. Pendapatan Mentor 23,000won

2. Pendapatan daripada permohonan belajar di luar negara 200,000won

01orang (1+2)= 223,000won

10orang (1+2)= 2,230,0000won

Tiada had bilangan mentee yang boleh anda miliki! Cukai dan yuran ke atas keuntungan mentor dibayar oleh Apply Korea.

Tip Untuk Mentor

applykorea

1. **Maklumkan kepada mentee anda tentang 'satu tiket percuma'.**

Mentee baru akan menerima satu tiket mentor percuma. Jika mentee memohon perkhidmatan mentor daripada anda, anda boleh menawarkan peluang mentor percuma untuk satu bulan pertama.

Selepas satu bulan perkhidmatan mentor secara percuma, anda perlu menukar perkhidmatan anda kepada perkhidmatan berbayar. Apply Korea ialah aktiviti yang menguntungkan yang tidak mempunyai masalah di bawah undang-undang Korea.

2. Jadikan diri anda dikenali ramai dengan mencipta lebih banyak konten mengenai pengajian anda di luar negara / universiti.

Hasilkan dan maklumkan pelbagai info seperti kehidupan anda belajar di luar negara, info kehidupan kolej, biasiswa, dan asrama sebagai konten di platform Apply Korea.

Personal branding yang berterusan membantu meningkatkan keuntungan anda.

Apply Korea menyediakan latihan intensif dan sokongan kepada mentor yang cemerlang. Anda juga akan dijemput untuk mengambil bahagian dalam program sokongan, acara kebudayaan dan acara eksklusif untuk mentor.

Proses Mentoring

Cek menti anda dan mulakan *mentoring* anda sekarang.

① Buka Menu dan tekan Log Masuk.

② Masukkan ID log masuk(emel) dan kata laluan.

③ Masuk ke Halaman Saya.

④ Pilih *mentoring tab* di atas Halaman Utama *Mentoring* Saya dan pilih mentee untuk soal jawab 1:1.

⑤ Pilih soalan yang dimuat naik oleh mentee di Pilih Soalan.

⑥ Tulis jawapan kepada soalan mentee dalam ruangan Tulis jawapan.













Mentee yang telah melanggan anda hanya boleh bertanya soalan sebanyak 30 kali sebulan. Jawapan mesti dijawab dalam masa 24 jam, dan mentor yang tidak setia boleh dibuang selepas tiga kali amaran.

Soalan Lazim

applykorea

Q Bolehkah saya menjadi mentor hanya dengan memohon?

Mana-mana pelajar antarabangsa yang kini mendaftar atau menamatkan pengajian dari universiti/sekolah siswazah Korea boleh menjadi mentor.
Anda boleh terus menjadi mentor walaupun selepas tamat pengajian.

Q Adakah saya perlu mempunyai akaun bank Korea untuk menerima bayaran?

Sewaktu mentee pertama mendaftar, anda mesti mendaftar akaun bank yang digunakan di Korea supaya dapat menjelaskan bayaran pada bulan berikutnya.

* Serahkan salinan kad pendaftaran warganegara asing anda semasa membuat pembayaran penyelesaian pertama.

Q Adakah terdapat faedah lain sebagai mentor?

Anda akan dijemput ke acara khas untuk mentor dan boleh bertukar pendapat dengan mentor pelbagai bangsa di Korea Selatan. Kami akan memberi sokongan kepada mentor yang cemerlang untuk diiklankan secara berasingan.

Q Bagaimanakah pembayaran diselesaikan?

Seorang mentor boleh menerima keuntungan sebanyak 23,000 won daripada $30 yang dibayar oleh mentee untuk perkhidmatan mentor. Jika mentee anda membayar $300 untuk perkhidmatan berkaitan permohonan institut bahasa, ijazah, pertukaran dan lepasan ijazah, anda boleh menerima tambahan 200,000 won.

Duit yang dibayar oleh mentee dari 1 haribulan sehingga hari terakhir setiap bulan akan didepositkan ke dalam akaun mentor anda pada 15haribulan bulan yang berikutnya.

Sekiranya terdapat perubahan (kenaikan atau penurunan) harga perkhidmatan Apply Korea pada masa hadapan, harga pelarasan akan dibayar kepada mentor.

Kisah Mentor

Gabriela M / SSK / Sepanyol

- **Mengapa anda bekerja sebagai mentor di Application Korea?**

Saya menyertai program yang bagus yang boleh membantu anda membuat persediaan untuk belajar di luar negara di Korea dengan mudah dan selesa dengan berkongsi pengalaman saya dari membuat persediaan belajar di Korea Selatan sehinggalah belajar di sini. Ia adalah satu perkhidmatan yang bagus kepada mentor dan mentee.

Alisa / KYUNGBOK / Rusia

- **Mengapa anda bekerja sebagai mentor di Application Korea?**

Saya mempunyai pengalaman mendaftar tanpa maklumat tentang biasiswa setiap universiti, asrama, jabatan yang menjanjikan, sokongan pekerjaan untuk pelajar antarabangsa, program untuk pelajar antarabangsa dan berasa kesal atas perbuatan tersebut. Saya ingin memberikan maklumat universiti yang sesuai kepada pelajar yang sedang membuat persediaan untuk belajar di Korea Selatan.

Cynthia / Ewha / Hong Kong

- **Mengapa anda bekerja sebagai mentor di Application Korea?**

Saya berharap tidak akan ada kes seperti saya, di mana saya membayar sejumlah wang yang besar untuk belajar di luar negara melalui agensi pengajian di luar negara. Saya ingin memberitahu anda bahawa jika anda bersedia untuk belajar di luar negara melalui mentor, anda boleh belajar di Korea tanpa membayar sejumlah wang yang besar.

Malay. Ver

Panduan Penggunaan Apply Korea

Kegunaan mentee dan pelajar yang ingin belajar di Korea Selatan

Malaysia |

applykorea

Indeks

1. Maklumat panduan mentee
2. Panduan pendaftaran mentee
3. Proses pembayaran *mentoring*
4. Penggunaan proses *mentoring*
5. Panduan aktiviti
6. Soalan lazim

Maklumat Panduan Mentee

Perkhidmatan *mentoring* ialah perkhidmatan soal jawab 1:1 dengan mentee yang berkaitan dengan pengajian di luar negara di Korea Selatan. Mentor dari setiap negara yang bekerja di ApplyKorea akan menjawab semua soalan anda tentang belajar di Korea Selatan berdasarkan pengalaman mereka sendiri.

TIP

- Bersedia untuk belajar di Korea dengan mudah dan selesa dengan kos terendah.
- Apply Korea – Anda boleh mencari mentor mengikut negara dan bahasa dalam menu CariMentor!
- Mentor yang belajar di luar negara di Korea akan menjawab semua soalan anda tentang belajar di luar negara di Korea Selatan.
- Sekiranya semua persediaan telah selesai melalui mentor anda, anda boleh memilih universiti pilihan pertama, kedua dan ketiga yang anda ingin masuki dan memprosesnya dengan satu klik sahaja.

Panduan Pendaftaran Mentee

Sila pilih kategori warganegara Korea / warga asing / institusi universiti untuk mendaftar.
Anda juga boleh mendaftar dengan mudah melalui akaun media sosial anda.

① Klik menu di sebelah kanan untuk Log masuk > Daftar keahlian.



② Masukkan maklumat anda dan tekan Daftar.



③ Selepas memilih kategori keahlian masukkan nombor telefon bimbit anda.



④ Klik pada pautan pengesahan yang dihantar ke alamat emel yang anda masukkan untuk melengkapkan pendaftaran



Proses Pembayaran Mentoring

Untuk menggunakan perkhidmatan mentor, bayaran bulanan sebanyak $30 (termasuk VAT) diperlukan.
AK hanya menyokong pembayaran melalui PayPal.

① Buka menu dan klik ikon di sudut kiri atas untuk log masuk.

② Log masuk (emel) dan masukkan kata laluan anda untuk log masuk.

③ Pergi ke menu Cari Mentor.

④ Cari mentor yang sepadan dengan minat dan kata kunci anda.

⑤ Pembayaran kepada mentor yang dikehendaki dilakukan untuk perkhidmatan mentor yang dimohon.











Cara Menggunakan Proses Mentor

Sebaik sahaja anda membayar, anda boleh mula berhubung dengan mentor anda!

① Selepas pembayaran selesai, klik butang 'Pergi ke Tanya Soalan kepada Mentor' dan beralih ke senarai soalan.



② Klik butang di bahagian atas sebelah kanan senarai soalan untuk membuat soalan mengenai topik baharu.



③ Masukkan tajuk dan kandungan soalan anda dan berikan soalan tersebut kepada mentor.

④ Melalui komen soal jawab 1:1, anda boleh lakukan soal jawab 1:1 Bersama mentor



Perkhidmatan Permohonan

Melalui *platform* Apply Korea, anda boleh menghantar dokumen pengajian ke universiti di Korea Selatan dengan selamat. Ianya 1/10 lebih murah daripada kos penghantaran melalui agensi pengajian swasta luar negara.

① Dalam menu di sebelah kanan, klik Perkhidmatan Permohonan.

② Masuk ke halaman Permohonan Belajar di Luar Negara

③ Klik Mulakan Aplikasi di bahagian bawah.

④ Untuk memohon, anda perlu mendaftar / log masuk.



Penghantaran Dokumen Pengajian Luar Negara Ke Universiti

Anda boleh memilih salah satu daripada berikut: institut bahasa, mahasiswa, pertukaran, atau lepasan ijazah.
Anda boleh mengemukakan dokumen pengajian luar negara kepada sekurang-kurangnya 1 ~ 3 universiti pada masa yang sama.

① Plih satu Jenis Saringan.



② Pilih sekurang-kurangnya 1 hingga 3 universiti.



③ Di bahagian bawah tekan butang 'Pilih universiti anda'

④ Pilih jabatan untuk setiap universiti. (Storan sementara boleh dilakukan)



⑤ Hantar fail dokumen biasa. (Storan sementara boleh dilakukan)

⑥ Selepas permohonan selesai, skrin di bawah akan dipaparkan.



Pembayaran Tiket Untuk Proses Permohonan

Anda perlu membayar tiket permohonan dan satu tiket digunakan untuk menyerahkan satu permohonan universiti.
Walau bagaimanapun, tiket tidak boleh dikembalikan walaupun ia tidak digunakan selepas pembayaran.

① Jika anda tidak mempunyai tiket yang mencukupi semasa menyerahkan dokumen pengajian luar negara,

② Anda perlu membeli tiket tambahan.



③ Harga tiket adalah $300 dan anda boleh membeli 3 keping sekali.

④ Pembayaran dilakukan melalui Paypal.



Penyerahan Dokumen Akhir Selepas Kelulusan Dokumen

Selepas menerima penerimaan daripada setiap universiti, anda boleh menyerahkan dokumen akhir asal kepada satu universiti pilihan anda.

① Masuk ke Halaman Saya.



② Pilih universiti yang anda mohon di menu atas.





③ Anda boleh menyemak keputusan penerimaan dokumen.

④ Selepas memutuskan universiti yang anda ingin masuki, klik Permohonan Akhir.

Panduan Aktiviti

applykorea

Apakah perkhidmatan yang disediakan untuk mentee AK?

01

Mendapatkan tip untuk belajar di luar negara daripada AK *Editor*

Lihat tip untuk belajar di luar negara daripada editor AK dalam tab 'Tip' menu [Gunakan Tip]!

02

Mentoring secara 1:1 bersama mentor

Mohon perkhidmatan mentor dan dapatkan jawapan kepada soalan anda tentang belajar di Korea Selatan! Anda juga boleh mendapatkan perkhidmatan mentor daripada pelbagai mentor pada masa yang sama!

03

Lihat kisah hidup mentor belajar di luar negara

Mohon perkhidmatan mentor dan dapatkan jawapan kepada soalan anda tentang belajar di Korea Selatan! Anda juga boleh mendapatkan perkhidmatan mentor daripada pelbagai mentor pada masa yang sama!

04

Mencari maklumat universiti di Korea Selatan

Universiti apa yang berada di lokasi tertentu? Jenis jabatan apa yang ada? Cari maklumat universiti di Korea Selatan dalam menu Univ. Info!

05

Penghantaran permohonan belajar di luar negara kepada universiti di Korea Selatan

Anda boleh menghantar permohonan pengajian di luar negara terus ke universiti di Korea Selatan melalui AK. Anda boleh memohon dengan kos yang rendah dan mudah!

Soalan Lazim

Q Bolehkah saya memohon perkhidmatan mentor dengan hanya seorang mentor?

Permohonan *mentoring* dilakukan secara 1:1, tetapi anda boleh bertemu dengan ramai mentor secara tidak terhad.
Walau bagaimanapun, bayaran tambahan akan dibuat semasa memohon perkhidmatan mentor.

Q Apakah kaedah pembayaran yang ada?

Terdapat pembayaran PayPal, yang membenarkan pembayaran global.
* Terdapat beberapa negara yang tidak menyokong PayPal, *boleh diselesaikan oleh pihak yang betul.

Q Bagaimanakah saya boleh membatalkan / membayar balik mentor saya?

Memandangkan perkhidmatan mentor ialah sistem langganan yang memerlukan bayaran bulanan, anda perlu membatalkan langganan anda dalam 'Sejarah Pembayaran' di Halaman Saya.
Pembatalan/pemulangan wang tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya disebabkan oleh perubahan fikiran oleh mentee.

Q Bagaimana saya boleh menjadi mentor?

Untuk menjadi seorang mentor, anda perlu membuktikan bahawa anda telah mendaftar di universiti di Korea Selatan. Jika anda telah mengesahkan universiti anda melalui [Halaman Saya > Maklumat Saya], jenis keahlian anda akan ditukar kepada Mentor.